

TRC Synergy dapat kontrak RM45 juta

KUALA LUMPUR 3 Mei - TRC Synergy Bhd., menerusi anak syarikat pembinaannya, Trans Resources Corporation Sdn. Bhd., berjaya mendapatkan kontrak bernilai RM45 juta daripada Boustead Penang Shipyard Sdn. Bhd.

Menurut kenyataan syarikat itu, TRC akan mereka, membina, memasang kelengkapan, integrasi, menguji serta memastikan kesemuanya kemudahan kapal selam.

Selain itu, syarikat akan menyediakan kemudahan tempat simpanan serta bengkel kapal selam sebagaimana kontrak dengan Tentera Laut DiRaja Malaysia.